Ulama al-Sū' Dalam Perspektif Ulama Hadis dan Imām al-Ghazālī: Analisis Perbandingan

ʿUlamā' al-Sū' in the Perspective of Hadis Scholars and Imām al-Ghazālī: A Comparative Analysis

Mursyid Azhar[1]

[1] (Corresponding Author) Faculty of Usuluddin, Department of Hadith, Al-Azhar University, El-Darb El-Ahmar, Cairo, Egypt, e-mail: ahmadmursyid80@gmail.com.

ABSTRAK

Penglibatan seseorang ilmuwan Islam dalam arena politik dan pemerintahan negara boleh mengakibatkan seseorang ilmuwan mendapat tohmahan dengan gelaran seperti *ʿulamā' al-sū'*, ulama jahat dan sebagainya. Bukan itu sahaja, kenyataan-kenyataan seseorang ilmuwan yang tidak menepati kehendak masyarakat juga akan menyebabkan para ilmuwan ditohmah dengan pelbagai gelaran yang buruk. Justeru itu, kajian penelitian terhadap istilah *ʿulamā' al-sū'* perlu dilaksanakan bagi memahami hakikat istilah ini. Ini bertujuan agar istilah tersebut tidak disalahgunakan sewenangnya untuk menghukum ilmuwan tertentu sebagai ulama jahat dan yang berkaitan dengannya. Selain itu, tujuan kajian ini juga untuk mengetahui hubung kait antara *ʿulamā' al-sū'* dengan pemerintahan atau politik negara. Dengan menggunakan kaedah kajian kepustakaan, kajian ini dimulakan dengan mengenal pasti akan status hadis yang berkaitan dengan *ʿulamā' al-sū'* melalui kaedah takhrij hadis serta kajian ke atas sanad hadis. Seterusnya, pemerhatian terhadap kitab-kitab syarah hadis dan kitab *Ihyā' ʿUlūm al-Dīn* karya Imām al-Ghazālī dilaksanakan bagi mendapatkan ketepatan data dan keputusan kajian. Menurut Imām al-Ghazālī *ʿulamā' al-sū'* adalah mereka yang mempergunakan ilmu untuk mendapatkan kesenangan dan kemewahan dunia semata dan tidak semestinya seseorang ilmuwan itu menyesatkan. Bahkan, tidak lazim juga apabila seseorang ilmuwan mempunyai kedudukan dalam pemerintahan atau terlibat dalam politik negara akan menatijahkan sebagai *ʿulamā' al-sū'*. Berbeza pula dengan ulama hadis yang melihat *ʿulamā' al-sū'* sebagai ilmuwan yang menyeru masyarakat kepada kesesatan dan kefasikan.

Kata kunci: *ʿUlamā' al-Sū'*; Status Hadis; Imām al-Ghazālī; *Ihyā' ʿUlūm al-Dīn*

ABSTRACT

The involvement of an Islamic scholar in the political arena and the country's governance can result in the accusation of a scholar with titles such as ʿulamā 'al-sū', mischievous scholars and so on. Not only that, the statements made by the scholars which do not meet the needs of society will also lead to various name-calling.

Therefore, a research study on the term ʿulamā 'al-sū' needs to be carried out to understand the reality of this term. This is to ensure that the term is not misused arbitrarily to punish certain scholars as mischievous and those associated with them. In addition, the purpose of this study is also to find out the relationship between ʿulamā 'al-sū' with the government or politics of a country. Using the method of library research, this study began by identifying the status of hadis related to ʿulamā 'al-sū' through the method of takhrij hadis as well as the study of the sanad of hadis. Next, observations on the books of hadis syarah and the book of Ihyā 'ʿUlūm al-Dīn by Imam al-Ghazālī were carried out to obtain the accuracy of the data and the results of the study. In conclusion, according to Imām al-Ghazālī ,ʿulamā 'al-sū' are those who use knowledge to obtain worldly pleasures and luxuries alone and not necessarily mark the scholar as misleading. In fact, it is not uncommon for a scholar to have a position in government or to be involved in national politics to be claimed as ʿulamā 'al-sū'. In contrast, hadis scholars see ʿulamā 'al-sū' as a scholar who calls society to misguidance and wickedness.

Keywords: *ʿUlamā' al-Sū'; Hadis's Status; Imām al-Ghazālī; Ihyā' ʿUlūm al-Dīn*

---

1. Pendahuluan

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat*, ulama adalah orang yang ahli (pakar) dalam pengetahuan agama Islam. Melalui definisi tersebut, ulama hanyalah mereka yang mahir dalam ilmu Islam sahaja tanpa disyaratkan kebenaran ulama tersebut. Maka dengan itu, ilmuwan-ilmuwan Islam terdahulu dan pada zaman kini membahagikan ulama itu kepada dua iaitu ulama yang benar dan juga ulama yang sesat atau lebih dikenali sebagai *ʿulamā' al-sū'*. Adapun perbincangan mengenai *ʿulamā' al-sū'* bukanlah perbincangan yang baharu. Bahkan penggunaan istilah *ʿulamā' al-sū'* telah tersebar luas pada masa kini sama ada dalam kalangan agamawan mahupun masyarakat awam. Disebabkan penggunaan istilah tersebut telah tersebar dalam kalangan masyarakat awam, maka telah timbul isu penggunaan istilah tersebut bukan pada tempatnya.

Istilah *ʿulamā' al-sū'* telah digunakan oleh individu atau kumpulan tertentu terutamanya masyarakat awam bagi menghukum seseorang ilmuwan sebagai ulama jahat, ulama dunia dan pelbagai gelaran serta tohmahan. Seseorang ilmuwan ditohmah dan dihukum dengan istilah seperti ini disebabkan sama ada terdiri dari kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan tidak menepati kehendak masyarakat awam atau disebabkan penglibatannya dalam arena politik atau pemerintahan negara. Jelas di sini bahawa istilah tersebut telah digunakan sesuka hati untuk menghukum ilmuwan tertentu disebabkan perbezaan pandangan yang berlaku atau penglibatan ilmuwan dalam pemerintahan atau politik negara. Maka disebabkan itu, pemahaman terhadap istilah *ʿulamā' al-sū'* perlu diteliti dan difahami agar institusi ulama terjaga

dari sebarang fitnah seterusnya menghilangkan sifat prasangka yang tidak baik terhadap institusi ini.

2. Pemahaman Tentang *ʿUlamā' al-Sū'*

Pada dasarnya, ulama terbahagi kepada dua. Yang pertama adalah ulama yang benar atau juga digelar dengan *ʿulamā' al-akhīrah*. Ulama yang benar atau ulama akhirat ini bertepatan dengan firman Allah SWT:

إِنَّمَا يَخۡشَى ٱللَّهَ مِنۡ عِبَادِهِ ٱلۡعُلَمَٰٓؤُاْۗ

Terjemahan: Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah daripada kalangan hamba-hamba-Nya hanyalah orang-orang yang berilmu. (al-Fāṭir, 35: 28).

Menurut al-Qurṭubī (1964) berkenaan ulama pada ayat tersebut adalah para ulama yang benar-benar takut akan kekuasaan Allah SWT serta tahu dan yakin bahawa Allah SWT akan mengazab bagi sesiapa yang melalukan maksiat. Ini menunjukkan ulama yang benar itu tidak akan sesekali melakukan perkara yang mengundang kemurkaan Allah SWT dengan ilmu yang mereka perolehi. Manakala ulama menurut hadis Nabi SAW adalah mereka yang mewarisi ilmu dari para Nabi seperti yang disabdakan oleh Baginda SAW:

العُلمَاءَ وَرَثَةُ الأَنبِياء، وَإِنَّ الْأَنْبِيَاءَ لَمْ يُوَرِّثُوا دِينَارًا، وَلَا دِرْهَمًا وَرَّثُوا الْعِلْمَ

Terjemahan: Ulama itu adalah pewaris para Nabi, dan sesungguhnya para Nabi tidak mewariskan dīnār dan tidak mewariskan dirhām, mereka (para Nabi) mewariskan ilmu.

[*Sunan Abū Dawūd*, no. hadis: 3641; *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān,* no. hadis: 88,89, Dinilai *ṣaḥīḥ* oleh Ibn Ḥibbān].

Manakala, bahagian ulama yang kedua adalah ulama yang tersasar dari jalan yang benar atau lebih dikenali sebagai *ʿulamā' al-sū'* atau ulama dunia. *ʿUlamā' al-sū* adalah satu istilah yang muncul dari dua istilah yang berbeza, iaitu *ʿulamā'* dan *sū'*. *ʿUlamā'* adalah kata jamak bagi *al-ʿalīm* (العليم) yang membawa erti individu yang disifatkan sebagai mempunyai ilmu (al-Fayyūmī, 2021). Adapun kata *sū'* bermaksud setiap yang buruk, akan tetapi apabila dua istilah tersebut digabungkan, maka terhasil maksud yang khusus bagi istilah *ʿulamā' al-sū'* iaitu ilmuwan yang menjadikan ilmu yang dimilikinya sebagai alat untuk memperoleh kesenangan dan kemewahan dunia semata.

Dalam *Ihyā' ʿUlūm al-Dīn*, Imām al-Ghazālī ada menyatakan ucapan Nabi Isa AS yang menyebutkan istilah *ʿulamā' al-sū'*(al-Ghazālī, 2020). Jika hanya berpada pada kenyataan Imām Al-Ghazālī, dapat kita simpulkan bahawa istilah tersebut telah muncul sejak Nabi Isa A.S, akan tetapi ucapan Nabi Isa

AS tersebut tidak dapat dipastikan kesahihannya. Adapun istilah *ʿulamā' al-sū'* dapat dipastikan awal penggunaanya secara makna pada zaman Nabi Muhammad SAW melalui hadis baginda dengan lafaz *al-a'immah al-muḍillīn* (para Imām yang menyesatkan) dan lafaz hadis *syirārul ʿulamā'* (seburuk-buruk ulama). Manakala hadis Nabi S.A.W dengan lafaz *ʿulamā' al-sū'* secara khusus tidak ditemui lagi pada zaman tersebut. Sehinggalah munculnya karya unggul Imām al-Ghazālī iaitu *Ihyā' ʿUlūm al-Dīn* yang mempopulerkan istilah *ʿulamā' al-sū'*.

Walaubagaimanapun, sikap dan sifat *ʿulamā' al-sū'* telah wujud lama sejak dari zaman *Banī Isrā'īl* sebagaimana yang telah diterangkan dalam al-Quran melalui firman-Nya:

وَلَوۡ شِئۡنَالَرَفَعۡنَٰهُ بِهَا وَلَٰكِنَّهُۥٓ أَخۡلَدَ إِلَى ٱلۡأَرۡضِ وَٱتَّبَعَ هَوَىٰهُۚ فَمَثَلُهُۥ كَمَثَلِ ٱلۡكَلۡبِ إِن تَحۡمِلۡ عَلَيۡهِ يَلۡهَثۡ أَوۡ تَتۡرُكۡهُ يَلۡهَثۚ

Terjemahan: Dan kalau Kami kehendaki nescaya Kami tinggikan pangkatnya dengan (sebab mengamalkan) ayat-ayat itu. Tetapi dia bermati-mati cenderung kepada dunia dan menurut hawa nafsunya; maka bandingannya adalah seperti anjing, jika engkau menghalaunya: Dia menghulurkan lidahnya termengah-mengah dan jika engkau membiarkannya: Dia juga menghulurkan lidahnya termengah-mengah. (al-Aʿrāf, 7: 176).

Mereka (*Banī Isrā'īl*) diumpamakan seperti seeokor anjing yang termengah-mengah sambil menghulurkan lidahnya. Sebagaimana seekor anjing yang sentiasa menghulurkan lidahnya tidak kira semasa haus atau tidak, begitu juga sikap Banī Isrā'īl yang sentiasa mengikuti hawa nafsu mereka tidak kira sama ada mereka tahu akan kebenaran dan azab Allah SWT atau tidak tahu.

3. Metodologi Kajian

Bagi memahami hakikat sebenar *ʿulamā' al-sū'* sama ada pemahamannya di sisi ulama hadis mahupun Imām al-Ghazālī, maka kajian kepustakaan dijalankan bagi mendapatkan maklumat dan informasi istilah yang dikaji. Fokus kajian bukan sahaja tertumpu pada memahami hakikat *ʿulamā' al-sū'*, bahkan bagi mengetahui kesahihan hadis yang menyebutkan istilah ini. Di samping itu, kajian ini bertujuan untuk mendapatkan kepastian hubung kait *ʿulamā' al-sū'* dengan pemerintah atau politik negara. Jadi bagi mengetahui akan kesahihan hadis berkaitan istilah yang dikaji, *takhrīj* hadis dan kajian ke atas sanad dilaksanakan dengan merujuk kepada kitab-kitab hadis dan kitab biografi perawi hadis sama ada melalui kitab yang bercetak atau melalui perisian *al-Maktabah al-Syāmilah*. Manakala bagi mengetahui hakikat istilah *ʿulamā' al-sū'* dalam kalangan ulama hadis, maka pemerhatian dilakukan

terhadap pandangan dari beberapa tokoh ulama hadis sama ada tokoh terdahulu atau kontemporari seperti Imām al-Munāwi, Abū al-Hasan al-Mubārakfūrī dan al-ʿAẓīm al-Ābādī melalui penulisan dan syarahan mereka terhadap hadis yang dikaji. Di samping itu, pemerhatian terhadap kitab *Ihyā' ʿUlūm al-Dīn* serta artikel yang berkaitan bagi memahami maksud istilah yang dikaji serta hubung kait antara ulama dan pemerintah di sisi Imām al-Ghazālī turut dijalankan. Hal ini kerana kitab *Ihyā' ʿUlūm al-Dīn* karangan Imām al-Ghazālī telah membahaskan istilah ini dengan sungguh mendalam dan terperinci.

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1 Hadis-Hadis Yang Menyebutkan Tentang ʿUlamā' al-Sū'

Terdapat beberapa hadis Nabi SAW yang menyebutkan tentang *ʿulamā' al-sū'* walaupun lafaz hadisnya berbeza. Ada hadis yang menyebutkan dengan lafaz *al-a'immah al-muḍillīn* (para *imām* yang menyesatkan) dan terdapat juga hadis yang menyebutkan dengan lafaz *syirārul ʿulamā'* (seburuk-buruk ulama). Manakala hadis dengan lafaz *ʿulamā' al-sū'* secara khusus tidak ditemui lagi.

Antara hadis yang berkaitan adalah:

وإنما أخافُ على أُمَّتي الأئمةَ المضِلِّينَ

Terjemahan: Dan sesungguhnya perkara yang aku takuti menimpa umatku adalah para *imām* yang menyesatkan.

[*Musnad Ahmad*, no. hadis:22393; *Sunan Abū Dawūd*, no. hadis: 4252; *Sunan Ibn Mājah*, no. hadis: 3952, Dinilai *ṣaḥīḥ* dengan syarat Imām Muslim oleh Syuʿayb al- Arnaʿuṭ].

Abū Dawūd meriwayatkan hadis ini dari jalan Thawban dan kesemua perawinya pada martabat *thiqah*, serta Syeikh Syuʿayb al- Arnaʿuṭ menghukum sanadnya sebagai *ṣaḥīḥ* (Abū Dawūd, al-Arnaʿuṭ, 2009). Manakala riwayat Ibn Mājah terdapat perawi bernama Saʿīd bin Basyīr al-Azdī. Imam-imam hadis menghukum beliau sebagai *ḍaʿīf.* Antaranya adalah Ibn ʿAdī (2010) dalam *al-Kāmil fi Ḍuʿafā' al-Rijāl* dan Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānī (2009) dalam *Taqrīb al-Tahdhīb*.

عن أَبِي ذر قَالَ: كُنْتُ أَمْشِي مَعَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: "لَغَيْرُ الدَّجَّالِ أَخْوَفُنِي عَلَى أُمَّتِي " قَالَهَا ثَلَاثًا. قَالَ: قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللهِ، مَا هَذَا الَّذِي غَيْرُ الدَّجَّالِ أَخْوَفُكَ عَلَى أُمَّتِكَ؟ قَالَ: "أَئِمَّةً مُضِلِّينَ"

Terjemahan: Dari Abū Dhar telah berkata: aku telah berjalan bersama Rasulullah SAW, lalu baginda berkata: selain Dajjāl ada sesuatu yang lebih aku takutkan menimpa kepada umatku. Sambil menyebutkannya sebanyak tiga kali. Maka aku (Abū Dhar) berkata: wahai Rasulullah, apa yang kau takutkan menimpa umatmu selain Dajjāl? Kata Baginda: para *imām* yang menyesatkan.

[*Musnad Ahmad*, no. hadis: 21691, 21692, Dinilai *ṣaḥīḥ lighayrih* oleh Syuʿayb al- Arnaʿuṭ].

Terdapat di dalam riwayat ini Ibn Lahīʿah dan beliau telah dihukumkan *ḍaʿīf* oleh sebilangan imam-imam hadis. Antaranya adalah Ibn ʿAdī (2010), Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānī (2009) dan al-Dhahabī (1992) di dalam *al-Kāsyif* .

سَأَلَ رَجُلٌ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الشَّرِّ فَقَالَ: "لَا تَسْأَلُونِي عَنِ الشَّرِّ، وَاسْأَلُونِي عَنِ الْخَيْرِ، يَقُولُهَا ثَلَاثًا"، ثُمَّ قَالَ: "أَلَا إِنَّ شَرَّ الشَّرِّ، شِرَارُ الْعُلَمَاءِ، وَإِنَّ خَيْرَ الْخَيْرِ، خِيَارُ الْعُلَمَاءِ"

Terjemahan: Telah bertanya seseorang kepada Nabi SAW tentang perkara keburukan. Maka berkata Baginda SAW: jangan tanya kepadaku tentang keburukan, akan tetapi tanyalah kepadaku tentang kebaikan. Kemudian berkata lagi Baginda SAW: ketahuilah! Sesungguhnya seburuk-buruk keburukan adalah seburuk-buruk ulama, dan sebaik-baik kebaikan adalah sebaik-baik ulama.

[*Sunan al-Dārimī*, no. hadis: 400, Dinilai *ḍaʿīf* oleh al-ʿIrāqī].

Riwayat ini *ḍaʿīf* disebabkan tiga perkara. Pertama dalam sanadnya terdapat perawi bernama Baqiyyah bin al-Walīd yang telah dihukumkan oleh Ibn Ḥajar sebagai *ṣadūq* banyak melakukan *tadlīs* dari *al-ḍuʿafā'* (al-ʿAsqalānī, 2009) dan beliau meriwayatkannya secara *ʿanʿanah*. Kedua terdapat perawi yang dinilai *ḍaʿīf* oleh Ibn Ḥajar iaitu al-Aḥwaṣ bin Ḥakīm (al-ʿAsqalānī, 2009). Ketiga Ḥakīm bin ʿUmair meriwayatkan hadis ini secara *mursal*.

Kesimpulannya, hadis berkaitan dengan *ʿulamā' al-sū'* adalah *ṣaḥīḥ* dengan lafaz *al-a'immah al-muḍillīn* melalui riwayat Abū Dawūd dari jalan Thauban. Bahkan riwayat-riwayat *ḍaʿīf* yang lain saling menguatkan antara satu sama lain.

4.2 ʿUlamā' al-Sū' Pada Sudut Pandang Ulama Hadis

Telah diketahui sebelum ini, lafaz *ʿulamā' al-sū'* secara khusus tidak ditemui di dalam hadis-hadis Rasulullah SAW melainkan ianya wujud setelah zaman baginda. Adapun lafaz lain yang membawa erti paling hampir kepada lafaz *ʿulamā' al-sū'* adalah datang dari lafaz hadis *syirārul ʿulamā'* dan ianya jelas

membawa maksud *ʿulamā' al-sū'*. Adapun lafaz hadis *al-a'immah al-muḍillīn* masih mengandungi kemungkinan maknanya kepada istilah *ʿulamā' al-sū'*.

Perkataan *a'immah* merupakan kata jamak bagi perkataan *imām* yang membawa maksud ketua atau pemimpin. Dalam *al-Muʿjam al-Wasīṭ* ada menerangkan bahawa kalimah *imām* adalah orang yang mengetuai manusia sama ada seseorang itu dari kalangan ketua atau selain darinya (Kumpulan Bahasa Arab, 2011). Namun berbeza pula pada pandangan ulama, kalimah *imām* boleh membawa dua maksud. Yang pertama ianya dimaksudkan sebagai ketua, manakala maksud kedua adalah ulama. Ini dapat dilihat dari penerangan Imām al-Munāwi (1971) di dalam *Fayḍul Qadīr* ketika beliau mensyarahkan hadis *al-a'immah al-muḍillīn* "*al-a'immah* merupakan kata jamak bagi perkataan *imām*, dia adalah orang yang menjadi ikutan suatu kaum dan mengetuai kaum tersebut serta menyeru mereka kepada suatu kata-kata, perbuatan atau kepercayaan". Berkata lagi beliau "dan begitu juga para ulama, jika mereka rosak maka rosaklah masyarakat awam, ini kerana mereka (ulama) ibarat pelita yang menyuluh dalam kegelapan".

Berkata juga Abū al-Hasan al-Mubārakfūrī (1985) dalam syarahan beliau terhadap hadis ini "maka ulama yang menyeleweng dari kebenaran, dan orang munafik yang suka berdebat lagi ahli bid'ah, dan pemimpin yang zalim, mereka inilah yang melemahkan rukun-rukun Islam serta menghancurkannya dengan perbuatan-perbuatan mereka". Manakala berkata pula al-ʿAẓīm al-Ābādī di dalam *ʿAwnul Maʿbūd* (2013) berkenaan hadis ini juga "*al-a'immah al-muḍillīn* adalah sesiapa sahaja yang menyeru kepada *bidʿah*, kefasikan dan kezaliman".

Jadi dapat difahami bahawa lafaz hadis *al-a'immah al-muḍillīn* membawa dua maksud, pertama ianya adalah pemimpin yang merosakkan masyarakatnya atau kaumnya, kedua ianya bermaksud ilmuwan Islam yang telah tergelincir dari kebenaran. Justeru itu dapat juga kita fahami bahawa *ʿulamā' al-sū'* di sisi ulama hadis adalah ulama yang telah menyeleweng dengan menyeru kepada kemungkaran dan kefasikan.

4.3 Penjelasan al-Ghazālī Berkaitan ʿUlamā' al-Sū'

Jika diteliti penulisan Imām al-Ghazālī dalam *Ihyā' ʿUlūm al-Dīn*, Bab ke-6 Penyakit Ilmu Serta Keterangan *ʿAlāmāt ʿUlamā' al-Ākhirah* dan *ʿUlamā' al-Sū'*, beliau telah membahaskan permasalahan ini dengan terperinci sekali. Beliau juga menjadikan hadis dengan lafaz "dan sesungguhnya perkara yang aku takuti menimpa umatku adalah para imām yang menyesatkan (*al-a'immah al-muḍillīn*)" sebagai dalil dalam menerangkan permasalahan *ʿulamā' al-sū'*. Dalam kitab beliau ini, Imām al-Ghazālī telah menyatakan definisi *ʿulamā' al-sū'* serta tanda-tanda ulama akhirat.

Menurut Imām al-Ghazālī (2020), *ʿulamā' al-sū'* didefinisikan sebagai mereka yang mempergunakan ilmu untuk mendapatkan kesenangan dunia atau

bagi memperolehi kedudukan atau pangkat dikalangan ahlinya. Manakala ulama akhirat, beliau menyatakan tanda-tandanya sebanyak 12 tanda. Akan tetapi dapat kita simpulkan tanda-tanda tersebut kepada empat tanda utama:

i. Mereka yang tidak menuntut ilmu untuk memperoleh kesenangan dunia. Bahkan ilmu tersebut boleh memberi manfaat untuk dirinya di hari akhirat. Berkata Imām al-Ghazālī (2020) di dalam *Ihyā' ʿUlūm al-Dīn* "mereka ulama akhirat mempunyai beberapa tanda untuk mengenalinya. Di antaranya adalah dia tidak meminta perkara keduniaan dengan mempergunakan ilmunya. Sesungguhnya serendah-rendah darjat seseorang ilmuwan itu apabila dia mendapat kekejian dan kehinaan dunia". Berkata lagi Imām al-Ghazālī (2020) "hendaklah seseorang itu tidak cenderung kepada kemewahan pada makanan dan minuman serta bersenang-senang dengan pakaian dan perhiasan pada perabot rumah dan tempat tinggal".

ii. Mereka yang tidak bergaul bersama para pemimpin dengan tujuan untuk memperoleh pangkat ataupun kedudukan. Berkata lagi Imām al-Ghazālī (2020) "dan antara tanda-tanda (ulama akhirat) hendaklah ia teliti terhadap para pemimpin. Janganlah bersama dengan mereka sekalipun, selama mana seseorang itu mampu untuk menyelamatkan diri dari mereka. Bahkan perlu untuk berwaspada dari mencampuri mereka (para pemimpin) walaupun mereka (para pemimpin) itu sendiri yang datang menemuinya". Tambah beliau lagi "maka bersama dengan mereka (para pemimpin) itu sama ada ianya terlalu memerhatikan keindahan bersama mereka sehingga ianya berasa tiada nilai nikmat Allah kepadanya, atau ia senyap dari kemungkaran mereka (para pemimpin) sehingga mengampu mereka (para pemimpin) tersebut".

iii. Mereka yang bukan sahaja mengajak orang ramai untuk beramal dengan kata-katanya, bahkan mereka yang beramal dengan ilmunya. Telah dinyatakan oleh Imām al-Ghazālī (2020) di dalam kitabnya "hendaklah seseorang itu banyak dalam mencari ilmu untuk diamalkan, dan ilmu untuk mengetahui perkara yang dapat merosakkan amalan".

iv. Mereka yang tidak tergesa-gesa dalam berkenyataan dengan tidak berkenyataan terhadap apa yang mereka tidak ketahui. Kata Imām al-Ghazālī (2020) "dan tanda-tanda (ulama akhirat) janganlah ia tergesa-gesa dalam mengeluarkan kenyataan, bahkan hendaklah ia teliti dan berhati-hati. Jika ditanya terhadap perkara yang ia ketahui, pastikan ia sertakan bersama dalil al-Quran atau dari hadis atau dari *ijmāʿ* atau dari *qiyās jālī*. Jika ditanya perkara yang ia ragui, maka dia mengatakan saya tidak tahu".

Jadi dapat difahami bahawa tanda-tanda *ʿulamā' al-sū'* pula adalah sebaliknya, iaitu mereka yang menuntut ilmu dengan tujuan memperoleh kesenangan dunia, mereka yang tidak beramal dengan ilmu yang dimiliki, mereka yang bergaul bersama pemimpin dengan tujuan mendapatkan kedudukan mahupun pangkat, serta mereka yang berkenyataan terhadap perkara yang tidak mereka ketahui.

Berdasarkan definisi *ʿulamā' al-sū'* yang telah dinyatakan oleh Imām al-Ghazālī, serta tanda-tanda yang telah dinyatakan, dapat difahami bahawa permasalahan *ʿulamā' al-sū'* adalah masalah keikhlasan niat individu dalam menuntut ilmu atau menggunakannya, sama ada bertujuan ingin mendapatkan kesenangan dunia ataupun kedudukan dalam pemerintahan. Hal ini kerana semua perkara yang disebutkan oleh Imām al-Ghazālī adalah terkait dengan masalah niat. Adakah seseorang itu menuntut ilmu dengan tujuan memberi manfaat kepada masyarakat atau ingin mendapatkan kesenangan mahupun kemewahan dunia? Adakah seseorang itu menjadikan ilmunya untuk memperoleh kedudukan atau pangkat dalam pemerintahan semata? Adakah seseorang itu menuntut ilmu agar dikenali atau ingin mendapatkan pujian orang ramai? Jadi jelas *ʿulamā' al-sū'* adalah mereka yang tidak ikhlas dalam menuntut ilmu, atau golongan ilmuwan yang telah terpesong dari landasan yang benar disebabkan tidak ikhlas dalam menyebarkan ilmu.

Dalam satu artikel yang menyatakan kefahaman Kiyai Haji Ahmad Shiddiq (KHAS), seorang ulama Indonesia dan juga tokoh Nahdhatul Ulama Indonesia, berkenaan maksud Imām al-Ghazālī terhadap *ʿulamā' al-sū'* "telah ditulis oleh Kiyai Haji Ahmad Shiddiq bahawa *ʿulamā' al-sū'* adalah kritikan Imām al-Ghazālī terhadap orang yang sudah dianggap ulama tetapi menyeleweng dari jalan para ulama. *ʿUlamā' al-sū'* adalah ulama yang memperalat ilmu agamanya untuk kepentingan duniawi yang dicarinya" (kun Wazis, 2019). Hal ini juga senada dengan penerangan Syeikh Abdus Shamad al-Palimbani berkenaan *ʿulamā' al-sū'*. Menurut beliau *ʿulamā' al-sū'* itu adalah orang yang menuntut ilmu untuk mengumpulkan harta dan kemewahan serta untuk mendapatkan kemasyhuran dan pengaruh orang ramai semata (Arafah Pramasto, 2020).

4.4 Pemahaman ʿUlamā' al-Sū' Antara Ulama Hadis dan Imām al-Ghazālī

Berdasarkan perbincangan sebelum ini, istilah *ʿulamā' al-sū'* menurut ulama hadis dan Imām al-Ghazālī mempunyai titik persamaan pada satu sudut dan juga terdapat titik perbezaan pada sudut yang lain. Menurut ulama hadis, *ʿulamā' al-sū'* adalah mereka yang menyeleweng dari kebenaran dengan menyeru kepada kemungkaran dan kefasikan. Manakala menurut Imām al-Ghazālī, *ʿulamā' al-sū'* adalah mereka yang mempergunakan ilmu untuk mendapatkan kesenangan dan kemewahan dunia sama ada dengan

memperolehi kedudukan dan pangkat di kalangan pemerintah atau mendapatkan kemegahan dan kemasyhuran dalam kalangan masyarakat.

Dari sudut persamaan antara ulama hadis dan Imām al-Ghazālī adalah kedua-dua pihak sepakat bahawa *ʿulamā' al-sū'* adalah ilmuwan yang telah jauh dari landasan yang benar. Manakala sudut perbezaan antara kedua-duanya pula adalah dalam menetapkan *ʿulamā' al-sū'* ini sebagai ilmuwan yang menyeru manusia kepada kemungkaran atau tidak. Menurut ulama hadis, *ʿulamā' al-sū'* itu pasti akan menyeru manusia kepada kesesatan dan kemungkaran. Berbeza pula dengan Imām al-Ghazālī yang tidak menetapkan perkara sedemikian. Hal ini kerana, Imām al-Ghazālī lebih menumpukan permasalahan ini kepada masalah niat seseorang ilmuwan sama ada seseorang individu itu ikhlas dalam menyampaikan ilmu atau sekadar ingin memperoleh kemewahan dunia.

Jadi dapat dirumuskan bahawa istilah *ʿulamā' al-sū'* yang lebih tepat dan luas pemahamannya adalah berdasarkan pemahaman Imām al-Ghazālī. Hal ini kerana, tidak semestinya ilmuwan yang tidak ikhlas dalam menyampaikan ilmu pasti akan menyeru kepada kesesatan, bahkan seseorang ilmuwan itu hanya menggunakan ilmu yang dimiliki untuk kepentingan peribadi tanpa perlu mengajar perkara yang bersalahan dengan syariat. Manakala pemahaman *ʿulamā' al-sū'* menurut ulama hadis lebih jelas jika seseorang ilmuwan itu secara terang menyeru manusia kepada kemungkaran dan kefasikan yang bertentangan dengan syariat Islam.

4.5 Menghukum Ilmuwan Sebagai ʿUlamā' al-Sū' dan Hubung Kait Ilmuwan Bersama Pemerintah

Setelah difahami dengan baik akan istilah *ʿulamā' al-sū'* bahawa mereka adalah ilmuwan yang memperalatkan ilmunya untuk kepentingan dunia, jelas bahawa permasalahan ini adalah permasalahan niat dan tujuan individu tertentu dalam menuntut ilmu atau menyampaikannya. Jadi mustahil bagi seseorang ataupun masyarakat awam untuk menghukumkan seseorang ilmuwan sebagai *ʿulamā' al-sū'*, ulama jahat dan pelbagai tohmahan yang tidak berasas disebabkan tidak bersetuju dengan pandangan atau kenyataan tertentu yang tidak memenuhi kehendak perasaan manusia. Bahkan segala pandangan dan kenyataan yang dikeluarkan oleh seseorang ilmuwan adalah hasil dari ijtihad mereka sendiri berlandaskan dalil-dalil *syaraʿ* dan alat ijtihād yang lengkap. Jikalau mereka tersilap dalam kenyataan mereka sekalipun tidak akan sesekali menjatuhkan kredibiliti seseorang ilmuwan. Bahkan seorang mujtahid jika tersilap dalam berkenyataan maka bagi dia satu pahala atas usahanya untuk mendapatkan jawapan terhadap masalah umat dan masyarakat.

Begitu juga jika seseorang ilmuwan yang mempunyai kedudukan dalam pemerintahan, atau rapat dengan para pemerintah terutamanya pemerintah yang zalim tidak menatijahkan seseorang itu sebagai *ʿulamā' al-sū'* atau ulama

dunia. Hal ini kerana boleh sahaja seseorang ilmuwan itu mengambil peluang dengan kedudukan yang diperolehinya agar mudah untuk dia memberi nasihat dan panduan kepada para pemimpin serta berusaha menjaga hubungan antara pemerintah dan rakyat jelata seperti yang diperakui kebenarannya oleh Imām al-Ghazālī (al-Ghazālī, 2020). Bukan itu sahaja, bahkan Imām al-Ghazālī mengakui bahawa ulama salaf juga mempunyai penglibatan bersama pemerintah (al-Ghazālī, 2020). Beliau juga menyatakan bahawa ulama dunia adalah mereka yang bergaul dengan pemerintah untuk mendapatkan pangkat serta kedudukan dalam pemerintahan semata, berbeza dengan ulama akhirat yang menjadikan kedudukan dan pangkat untuk kebaikan agama Islam dan masyarakat awam (al-Ghazālī, 2020).

Tambahan pula peranan ulama dalam institusi kerajaan dan pemerintahan sangat diperlukan. Menurut Doli Witro (2020) dalam artikel beliau, kerjasama ulama bersama pemerintah sangat diperlukan sebagai individu yang mampu beri nasihat dan tunjuk ajar kepada semua lapisan masyarakat dalam menerapkan ideologi keamanan dan keharmonian. Hal ini kerana ulama bukan sahaja individu yang mahir dalam ilmu agama, bahkan mereka mempunyai daya penarik untuk mempengaruhi masyarakat.

Maka dengan itu, pemahaman berkenaan hakikat *ʿulamā' al-sū'* perlu dijelaskan kepada orang awam dengan sebaik mungkin agar masyarakat terpelihara dari sikap tuduh-menuduh dan fitnah-memfitnah akibat dari salah faham mereka sendiri dan seterusnya dapat memelihara institusi ulama dari prasangka yang tidak baik. Bukan itu sahaja, penerapan sifat bersangka baik dalam kalangan masyarakat terhadap ulama yang terlibat dalam pemerintahan juga perlu dilakukan supaya hubungan antara masyarakat awam dengan ulama sentiasa harmoni dan saling mempercayai.

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, *ʿulamā' al-sū'* itu adalah ulama yang telah tersasar dari kebenaran dengan memperalatkan ilmu yang dimiliki untuk kepentingan dan kemewahan dunia. Berdasarkan pemahaman ini, permasalahan *ʿulamā' al-sū'* adalah masalah hati dan keikhlasan individu dalam menuntut ilmu atau menyampaikannya. Jadi mustahil bagi masyarakat awam untuk menghukumkan ilmuwan tertentu sebagai *ʿulamā' al-sū'* dan yang seerti dengannya disebabkan tidak bersetuju dengan kenyataan atau pandangan ilmuwan tertentu. Begitu juga tidak lazim apabila seseorang ilmuwan mempunyai kedudukan dalam pemerintahan negara atau sering mendekati para pemerintah akan menatijahkan seseorang ilmuwan sebagai *ʿulamā' al-sū'*. Ini kerana tujuan individu itu menjadi kayu ukur untuk menentukan seseorang ilmuwan itu memanfaatkan kedudukan yang dimilikinya ke arah kebaikan atau ingin mendapatkan habuan dunia semata. Tambahan pula peranan ulama dalam pemerintahan sangat penting sebagai penasihat agama serta bagi

memastikan hubungan yang harmoni antara para pemimpin dengan rakyat berterusan.

Adapun berkenaan dengan *al-a'immah al-muḍillīn* (para *imām* yang menyesatkan), jelas pada hadis tersebut menunjukkan bahayanya pemerintah atau ilmuwan yang membawa dan menyeru kepada kesesatan. Seseorang pemerintah atau ilmuwan yang menyeru kepada kesesatan dan kemungkaran yang nyata, jelas mereka ini tergolong sebagai *al-a'immah al-muḍillīn* atau *ʿulamā' al-sū'*. Hal ini kerana mereka secara jelas telah menyeru masyarakat kepada perkara yang bertentangan dengan syariat Islam.

Rujukan

Al-ʿAsqalānī, A. A. (2009). *Taqrīb al-Tahdhib*. Tahqiq: Muḥammad ʿAwwamah.

Al-Dārimī, A. A. (2013). *al-Musnadul Jāmiʿ*. Tahqiq: Nabīl bin Hāsyim. Beirut: Dār al-Basyā'ir al-Islāmiyah.

Al-Fayyūmī, A. M. (2021). *al-Miṣbāh al-Munīr*. Tahqiq: Ayman ʿAbd al- Al-Fayyūmī Razzāq. Dār al-Fayhā'.

Al-Ghazālī, A. H. (*2020*). *Ihyā' ʿUlūm al-Dīn*. Tahqiq: ʿAli Muḥammad Muṣṭafa. Syria: Dār al-Fayhā'.

Al-ʿIrāqī, A. R. (2021). *Ikhbār al-Ahyā'biAkhbār al-Ihyā'*. Tahqiq; Hisyām bin al-Hāsyimī. Beirut; Dār Ibn Ḥazm.

Al-Mubārakfūrī, U. M. (1985). *Mirʿātul Mafātīh Syarah Misykātul Maṣabīh*. India: Jāmi'ah Salafiyah.

Al-Munāwī, Muḥammad ʿAbd al-Ra'ūf. (1971). *Fayḍul Qadīr*. Mesir: Maktabah al-Tijāriyah al-Kubrā.

Al-Qurṭubī, M. A. (1964). *al-Jāmiʿ li Aḥkām al-Qurān*. Mesir: Dār al-Kutub al-Miṣriyah.
Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
Dār al-Minhāj.

Ibn Ḥanbal, A. (2001). *Musnad Imām Ahmad*. Tahqiq: Syuʿayb al- Arnaʿuṭ.

Kumpulan Bahasa Arab. (2011). *al-Muʿjam al-Wasīṭ*. Mesir: Maktabah al-Syurūq Al-Dawliyah.

Pramasto, A. (2020). Analisis Etika Ilmu Pengetahuan dalam Kitab Hidayatus Salikin Karangan Al-Palimbani Abad Ke-18. *Jurnal Dimensi*, *9*(1), 125-134.

Wazis, K. (2019). Dinamisasi Pesantren Perspektif KHAS dalam Konstruksi Majalah Pesantren Tahun 1985. *Jurnal Al-Tatwir*, *6*(2), 17-32.

Witro, D. (2020). Ulama and Umara in Goverment of Indonesia: A Review Relations of Religion and State. *Madania: Jurnal Kajian Keislaman*, *24*(2), 135-144.